

PERIHAL DARURAT YANG HARUS RAKYAT TAHU – SIRI I



by [Zulaika Yusuf](#) [January 15, 2021](#) in [Daulat, Utama](#)

Jawapan oleh Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi
Pengasas Jurisprudens Watan
Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik
Profesor Madya Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Soalan 1: Apakah itu darurat?

Darurat bermaksud suatu keadaan bahaya besar yang mengancam keselamatan, kesihatan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, sama ada ancaman besar tersebut sedang berlaku mahupun apabila Yang Di-Pertuan Agong berpuas hati itu akan berlaku seperti diperuntukkan oleh Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Soalan 2: Apakah kesan perisytiharan darurat di sisi undang-undang?

Apabila darurat diisytiharkan maka kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan boleh dilaksanakan oleh Yang Di-Pertuan Agong. Yang Di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk memasyhurkan mana-mana ordinan yang dikehendaki oleh sebab darurat walaupun tidak selaras dengan manamana peruntukan Perlembagaan Persekutuan tertakluk pada kuasa itu tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di negeri Sabah atau Sarawak; dan yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubungan dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubungan dengan agama, kewarganegaraan, atau bahasa.

Baginda juga boleh memasyhurkan apa-apa ordinan sebagaimana yang didapati perlu mengikut hal keadaan jika baginda berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan serta-merta. Sesuatu ordinan yang dimasyhurkan mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama sebagaimana Akta Parlimen, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah ordinan itu ialah Akta Parlimen sehingga ordinan itu dibatalkan atau diumumkan di bawah Perkara 150(3) atau sehingga ordinan itu luput di bawah Fasal (7). Kuasa Agong untuk memasyhurkan ordinan semasa darurat boleh dijalankan berhubung

dengan apa-apa perkara mengenainya Parlimen berkuasa membuat undang-undang, tanpa menghiraukan tata cara perundangan atau tata cara lain yang dikehendaki diikuti, atau perkadaran jumlah undi yang dikehendaki diperolehi di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

Ringkasnya, prerogatif Yang Di-Pertuan Agong untuk membuat ordinan begitu luas selagi berada dalam batasan yang dibenarkan serta untuk mencapai maksud darurat itu diisytiharkan.